

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 16 TAHUN 1977**

### **PEMAKAIAN/INTERPRESTASI L.R. 10(b) (A) MENGENAI CARA-CARA MENGENAKAN PREMIUM DENDA (PENALTY PREMIUM) & PREMIUM TAMBAHAN (ADDITIONAL PREMIUM)**

Berhubung dengan perkara di atas MMK yang bersidang pada 4.8.1977 selepas menimbang Kertas Bil 15/699/77(9) telah mendapati bahawa mengikut L.R 10 (b) (A) daripada Peraturan Tanah Kelantan yang berjalan sekarang, ada TIGA JENIS Premium yang dikenakan bagi satu lot tanah-tanah desa yang telah diperintah haram yang telah dimajukan atau tanah-tanah yang mengandungi pokok-pokok yang bernilai di atasnya. Premium itu ialah:-

- i) Harga Tanah Biasa (Normal Premium)
- ii) Harga Tanah Denda (Penalty Premium)
- iii) Harga Tanah Tambahan (Additional Premium)

2. MMK dalam siding yang sama telah membuat keputusan sebagai dasar untuk menjadi panduan kepada semua PHT supaya membuat pengesyuran bagi mengenakan Premium bagi tanah-tanah yang diperintah haram hanya DUA JENIS Premium sahaja, iaitu 'Harga Tanah Biasa' dan 'Harga Tanah Denda' dengan tidak dikenakan harga Tanah Tambahan (Additional Premium) walaupun tanah itu ada mengandungi pokok-pokok yang berharga. Bagi tanah-tanah yang tidak diperintah haram tetapi tanah itu telah dimajukan atau diusahakan oleh orang lain atau ada mengandungi pokok-pokok yang bernilai di atasnya, maka hendaklah disyorkan supaya dikenakan 'Harga Tanah Biasa' dan 'Harga Tanah Tambahan' yang berjumlah tak kurang dari 25% dari Harga Pasaran bagi tanah itu ialah mengikut L.R. 10(b) (A) COUNTRY LAND

Sekian sahaja dimaklumkan.

Saya yang menurut perintah  
**t.t**  
**(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)**  
Pengarah Tanah Dan Galian  
Kelantan

**KEPADA:**

Semua Pemungut Hasil Tanah,  
Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

YB Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

YB Tuan Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan

Juru Odit Negeri Kelantan

Pengarah Ukur Negeri Kelantan

Pengarah LKTN Kelantan

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

Pegawai Tadbir & Pegawai Pasukan Petugas Pejabat PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN, KOTA BHARU**

**FAIL:** PTG. (KN) SULIT BIL. 23/66/VOL. 3/(35)

**KOTA BHARU:** 3HB. SEPTEMBER, 1977